

# Akui kepentingan bahasa Inggeris dalam pendidikan

UMI - 5 AUG 2003  
KUALA LLJMPUR 4 bgos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta masyarakat negara ini bersikap pragmatik dengan mengakui kepentingan bahasa Inggeris dalam pembangunan pendidikan khususnya bidang sains dan teknologi (S&T).

Beliau kesal kerana ada sesetengah pejuang bahasa berkeras mempertahankan bahasa ibunda sehingga sanggup membiarkan masyarakat ketinggalan dalam ilmu pengetahuan.

“Dalam dunia hari ini, orang perlu menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu bahasa ibunda dan bahasa Inggeris.

“Hakikat kehidupan hari ini, bahasa Inggeris digunakan secara meluas di seluruh dunia. Kita tidak mahu mempersoalkan kenapa tetapi kita tahu bahawa kita juga perlu menguasainya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan peserta semasa sesi dialog pada Kongres Asia Timur Pertama anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di sini hari ini.

Menurutnya, langkah kerajaan Malaysia melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bertujuan memastikan pelajar dapat menguasai sepenuhnya ilmu tersebut.

Tambah beliau, ia juga menyelesaikan masalah kesukaran mencari terjemahan terma-terma yang tepat dan sesuai ke bahasa ibunda.